

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD  
RAHMAN  
[TANJONG MANIS - BN]**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN (NO. 31)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jika terdapat perancangan daripada Kementerian untuk menyediakan lebih banyak kemudahan fasiliti sukan seperti padang bola sepak dan padang balapan (track and field) di luar bandar bagi membolehkan generasi muda berekreasi dan boleh menjadi tempat Kementerian mencungkil bakat baru untuk negara dalam pelbagai bidang sukan.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sememangnya mempunyai perancangan untuk menambah kemudahan dan fasiliti sukan yang berkualiti kepada rakyat secara berperingkat-peringkat di luar bandar khususnya dalam Rolling Plan Kedua (RP2) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11).
2. Buat masa ini, terdapat 7 Buah Gelanggang Futsal 1 Malaysia dan Sebuah Gelanggang Futsal 1 Mukim yang dibina di bawah RMK-9 dan RMK-10 di Parlimen Tanjong Manis.

Sekian, terima kasih.